

## PENERIMAAN DAN PENGLIBATAN BELIA SARAWAK TERHADAP GAGASAN 1MALAYSIA

ZULKHAIRI ZAINAL, SARJIT S. GILL & AHMAD TARMIZI TALIB

### ABSTRAK

Gagasan 1Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada April 2009 bertujuan mengukuhkan perpaduan kaum sebagai asas keharmonian dan keamanan negara. Namun untuk mencapai hasrat murni tersebut, kerjasama dan penglibatan masyarakat amat perlu terutama golongan belia yang merupakan generasi pewaris pemimpin negara masa depan. Tanggapan yang salah terhadap Gagasan 1Malaysia pasti menghalang negara mencapai kejayaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penerimaan dan penglibatan belia di Kuching, Sarawak terhadap Gagasan 1Malaysia. Responden kajian adalah seramai 382 orang yang berumur 18 hingga 40 tahun yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Melayu, Bidayuh, Iban, Kenyah, Cina, India, Melanau, Kayan, Kelabit, Lun Bawang, Brunei dan lain-lain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap penerimaan yang sederhana terhadap Gagasan 1Malaysia. Manakala tahap penglibatan belia terhadap Gagasan 1Malaysia adalah rendah. Disamping itu, kajian mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara faktor kaum tentang penglibatan belia terhadap Gagasan 1Malaysia. Ternyata tahap penglibatan belia masih rendah dan memerlukan penambahbaikan dari semasa ke semasa agar Gagasan 1Malaysia mencapai kejayaan sebagai wadah menyemai dan memperkasa perpaduan nasional.

**Kata Kunci:** Penerimaan, Penglibatan, Belia, Gagasan 1Malaysia

### ABSTRACT

The 1Malaysia concept which was introduced by the Prime Minister of Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak in April 2009 aimed at strengthening national unity as the foundation of harmony and peace in the country. But to achieve this, cooperation and community participation is necessary especially the youth who are the future generation, the future of our national leaders. The negative notion of the 1Malaysia concept will only prevent success of the country. Therefore, this study aimed to identify the acceptance and participation of youth in Kuching, Sarawak on the 1Malaysia concept. Respondents were a total of 382 people aged 18 to 40 years from different ethnic Malay, Bidayuh, Iban, Kenyah, Chinese, Indians, Melanau, Kayan, Kelabit, Lun Bawang, Brunei and others. The results showed that the majority of respondents have a moderate level of acceptance of the 1Malaysia concept. Hence the involvement of youth towards the 1Malaysia concept is relatively low. In addition,

*the study found there were no significant differences between the factors of ethnicity and youth involvement with the 1Malaysia concept. It turns out that the level of youth involvement is low and could be improved in realising the success of the 1Malaysia concept which is considered as a means fostering and strengthening national unity.*

**Keywords:** *Acceptance, Involvement, Youth, 1Malaysia Concept*

## PENGENALAN

Gagasan 1Malaysia (G1M) yang diperkenalkan pada April 2009 merupakan falsafah induk dan teras pentadbiran kerajaan yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia Keenam, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak. G1M berpaksikan kepada Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan adalah bertujuan untuk meningkatkan semangat perpaduan nasional dalam kalangan rakyat Malaysia yang pelbagai agama dan bangsa supaya negara kita menjadi lebih stabil, kukuh dan aman. Di samping mendahulukan rakyat, kepentingan dan keperluan mereka melalui mengutamakan pencapaian dalam penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan program pembangunan. Tiga teras utama ini menjadi landasan asas bagi mencapai sasaran Wawasan 2020, iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu dan maju dalam semua aspek. Kamaruddin, (2010) menyatakan G1M dengan slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" merupakan kesinambungan dasar kerajaan dalam usaha mencapai Wawasan 2020. Jika dilihat daripada asas pengwujudan G1M, teras perpaduan merupakan perkara pokok yang menjadi sandaran dalam mencapai kejayaan gagasan tersebut.

Oleh itu, G1M menerima dan menghormati kepelbagaian agama, etnik dan budaya yang dianggap sebagai aset kompetitif negara. Malah G1M juga menekankan semangat keterangkuman iaitu penerimaan perbezaan antara kita, dan menggalakkan kita semua menyambut dengan hati dan tangan terbuka, dengan menerima setiap keunikan dan perbezaan yang ada. Bertepatan dengan itu, wadah pembangunan bangsa terus ditekankan dengan pemupukan nilai-nilai murni dalam usaha memperkukuhkan perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia yang polarisasi penduduknya dengan pelbagai bangsa, agama dan budaya (PPM, 2009; Mustafa, 2010; Ku Hasnan, 2010; Haslinda & Zaid Ahmad, 2011; Noor Sulastry, 2010).

Di samping itu, penekanan kepada pembangunan belia harus menjadi objektif utama bagi menyediakan modal insan yang berkualiti dan berdaya maju dalam suasana kepelbagaian ras etnik, budaya dan agama untuk bersama-sama mengambil bahagian menelusuri arus global (Abdul Rahman, 2009). Belia merupakan aset penting sebagai pemangkin pembangunan negara. Belia seharusnya didekati dan diuji kredibiliti serta komitmen mereka ketika masih di peringkat muda.

Gagasan 1Malaysia bertunjangkan slogan “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Intipati kepada keterangkuman adalah prinsip keadilan sosial untuk semua tanpa mengira kaum, yang merupakan salah satu daripada teras G1M. Keadilan sosial bermaksud setiap rakyat Malaysia dan setiap golongan akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadilan sosial sememangnya mengambil kira taraf kemajuan golongan sosio-budaya mahupun etnik yang berada pada tahap yang berbeza-beza. Oleh itu, peruntukan-peruntukan Perlembagaan dan dasar-dasar kerajaan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukannya, akan tetap dilaksanakan untuk menegakkan keadilan sosial ini. Secara ringkas, G1M tidak pernah lari daripada roh dan semangat Perlembagaan Persekutuan serta prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara yang sekian lama menjadi amalan rakyat Malaysia. Malah Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara terus dijadikan sebagai ideologi kepada G1M dalam usaha memperkukuhkan teras perpaduan negara.

### TINJAUAN LITERATUR

Matlamat utama G1M adalah untuk perpaduan nasional. Segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan menjurus kearah mewujudkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Usaha-usaha yang dilakukan itu meliputi bidang-bidang ekonomi, sosial, pendidikan, perhubungan agama, penghayatan dan penerapan nilai-nilai patriotism, keselamatan, alam sekitar dan lain-lain bidang kehidupan. Setiap aspek yang dirancang memerlukan penelitian dan kesepadanan dengan peruntukan hak kewarganegaraan dalam Perlembagaan.

Gagasan 1Malaysia boleh dikatakan suatu model untuk memperkasakan perpaduan dan kesinambungan daripada dasar-dasar kerajaan sebelum ini (PPM,2009). Hasil perpaduan yang dikecapi akan dapat menjamin kestabilan dan seterusnya membawa negara kearah kemajauan dan pencapaian yang lebih maju kepada rakyat dan Negara. Oleh itu, Gagasan ini boleh dikatakan sebagai satu strategi atau formula untuk mencapai aspirasi Negara, iaitu Wawasan 2020 (Jurij Hj Jalaludin, 1991).

Negara merupakan kehidupan dalam sesebuah wilayah bersempadan, diperintah oleh satu badan politik dengan mempunyai perlembagaan dan mempunyai undang-undang tersendiri yang memerlukan ciri-ciri seperti wujud matlamat dan cara mencapainya, mempunyai sistem politik yang tersendiri, sempadan, kewarganegaraan, wilayah atau daerah, keselamatan, perlembagaan, kegiatan harian yang normal, dan kebolehan untuk berpersatuan (Abdul Rahman Embong, 2001).

Pelaksanaan Gagasan 1Malaysia dilihat tidak lari daripada usaha untuk mengukuhkan proses penyatupaduan dan perpaduan antara kaum di Malaysia. Secara tidak langsung, Gagasan 1Malaysia ini sedikit sebanyak menyumbang kepada pemantapan sebuah negara-bangsa demi merealisasikan hasrat negara untuk mencapai Wawasan 2020 sebagai status negara maju. Bagi mencapai matlamat dan

motif tersebut, Gagasan 1Malaysia dilihat perlu diperkasakan agar nilai dan aspek yang diketengahkannya dapat diketahui dan diberi perhatian oleh rakyat Malaysia (Aizat, 2011). Mustafa (2010) mentafsirkan kebanyakan sarjana yang menghuraikan G1M sekadar selari dengan Booklet 1Malaysia (2010). Namun masyarakat sebaliknya lebih memahami G1M berdasarkan ciri-ciri program yang dianjurkan atau melalui produk-produk yang diperkenalkan dengan menggunakan jenama 1Malaysia.

Disamping itu kefahaman dalam masyarakat berkenaan dengan pembangunan belia juga ada kecelaruan di mana kebanyakan menyatakan pembangunan belia hanya melalui program-program formal sahaja. Kebenarannya, tidak ada satu cara yang khusus dalam membentuk pembangunan belia. Ini kerana pembangunan belia boleh berlaku di mana sahaja seperti dalam keluarga, komuniti serta dalam kalangan rakan-rakan. Murphy (1995) menyatakan pemangkin kepada pembangunan ini juga tidak termaktub kepada orang dewasa sahaja. Pembangunan belia juga merupakan satu proses berterusan penglibatan belia dalam meraih sesuatu kelebihan atau kehendak asas fizikal dan sosial supaya mereka boleh bersaing dan berjaya di masa hadapan. Sikap, keyakinan diri, komitmen dan karekter merupakan indikator-indikator umum yang menggambarkan sikap dan sifat mereka selepas melalui sesuatu proses pembangunan belia (Glenda Partee, 2002).

Penglibatan komuniti dalam pembangunan merupakan satu elemen yang penting kerana ia berperanan memastikan kejayaan serta kelestarian sesebuah program yang dianjurkan. Haslinda & Regina Garai (2012) menyatakan penglibatan komuniti dalam program pembangunan luar bandar berada di tahap rendah. Ini disebabkan wujudnya faktor kekurangan maklumat yang disalurkan, komuniti tidak terlibat dalam proses membuat keputusan dan juga faktor ketelusan dalam membuat keputusan.

Kejayaan dalam pembangunan negara tidak akan dapat dicapai tanpa membangunkan terlebih dahulu masyarakatnya. Sebagai generasi pelapis, pembangunan belia sangat signifikan dan perlu memfokus sebagai persediaan negara mencapai taraf negara maju. Asnarulkhadi (2011) menegaskan bahawa usaha membangunkan satu program atau projek untuk belia seharusnya didasarkan kepada keperluan sasaran. Perbezaan latar belakang pasti membezakan keperluan antara mereka. Kegagalan pihak perancang program mengenal pasti keperluan khusus kumpulan sasaran boleh menyebabkan penyertaan rendah dalam kalangan belia. Ahmad Zaharuddin Sani (2009) menyatakan perpaduan antara pelbagai bangsa dan etnik merupakan agenda paling utama kerajaan dan masyarakat kerana sejarah negara-bangsa Malaysia, perpaduan merupakan salah satu isu yang paling penting dalam pembentukannya.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penerimaan dan penglibatan belia di Kuching, Sarawak terhadap Gagasan 1Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga akan turut mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan Antara faktor kaum terhadap penerimaan dan penglibatan belia terhadap G1M.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan metod tinjauan serta teknik pengumpulan data adalah melalui soal selidik. Seramai 382 orang responden yang berumur 18 hingga 40 tahun telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Responden terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Bidayuh, Iban, Kenyah, Cina, India, Melanau, Kayan, Kelabit, Lun Bawang, Brunei dan lain-lain. Pemilihan responden berdasarkan kaedah persampelan rawak mudah berstrata digunakan sebagai teknik persampelan. Saiz sampel diambil daripada populasi belia di Kuching dan merujuk kepada kaedah penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1960), dengan memilih seramai 382 orang sebagai responden. Hasil kajian tertumpu kepada 2 aspek utama, iaitu penerimaan dan penglibatan belia.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 1, taburan umur dibahagikan kepada 4 peringkat, iaitu 18 hingga 23 tahun (44.2%), responden berumur 24 hingga 29 tahun (25.4), responden berumur 30-35 tahun (18.3%), manakala responden berumur 36 hingga 40 tahun (12.0%). Taburan jantina menunjukkan responden lelaki sejumlah 131 orang (34.3%) manakala responden perempuan sejumlah 251 orang (65.7%).

Taburan kaum pula menunjukkan kaum Melayu penyumbang tertinggi 40.3%, kaum Bidayuh sebanyak 7.6%; kaum Iban kedua tertinggi dengan 27.5%, kaum Kenyah dengan 2.6%, kaum Cina ketiga tertinggi dengan 14.9%, kaum India dengan 0.5%, kaum Melanau menyumbang 4.7%, sementara kaum Kayan, Kelabit, Lun Bawang dan Brunei masing-masing menyumbang 0.5%. Taburan mengikut agama majoritinya terdiri daripada penganut agama Islam dengan 48.2%, diikuti Kristian dengan 41.6%, Buddha dengan 9.2% dan lain-lain 1.0%. Manakala taburan tahap pendidikan sebahagian besar responden memiliki SPM dengan 35.6% diikuti Ijazah 23.3%, Diploma 19.4%, STPM 11.0%, PMR 2.6%, Master 2.1%, UPSR 1.8% dan lain-lain 4.2%.

**Jadual 1: Taburan Keseluruhan Demografi Responden Belia di Kuching, Sarawak Terhadap Gagasan 1Malaysia**

<b>Pembolehubah</b>	<b>(n)</b>	<b>(%)</b>
<b>Umur</b>		
18-23	169	44.2
24-29	97	25.4
30-35	70	18.3
36-40	46	12.0
<b>Jantina</b>		
Lelaki	131	34.3
Perempuan	251	65.7
<b>Kaum</b>		
Melayu	154	40.3
Bidayuh	29	7.6
Iban	105	27.5
Kenyah	10	2.6
Cina	57	14.9
India	2	.5
Melanau	18	4.7
Kayan	2	.5
Kelabit	2	.5
Lun Bawang	2	.5
Brunei	1	.3
<b>Agama</b>		
Islam	184	48.2
Kristian	159	41.6
Buddha	35	9.2
Lain-Lain	4	1.0
<b>Tahap Pendidikan</b>		
UPSR	7	1.8
PMR	10	2.6
SPM	136	35.6
STPM	42	11.0
Diploma	74	19.4
Ijazah	89	23.3
Master	8	2.1
Lain-lain	16	4.2

**Jadual 2: Tahap Penerimaan Belia di Kuching, Sarawak Terhadap Gagasan 1Malaysia**

<b>Tahap (Skor)</b>	<b>n</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Tinggi	114	29.8
Sederhana	260	68.1
Rendah	8	2.1
<b>Jumlah</b>	<b>382</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 2 di atas, hasil kajian tahap skor penerimaan belia yang tinggi (skor 38-50) sebanyak 29.8% responden. Sementara skor sederhana (skor 24-37) adalah sebanyak 68.1% responden. Manakala skor rendah (skor 10-23) adalah sebanyak 2.1% responden.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mendapati bahawa tahap penerimaan responden terhadap G1M berada pada tahap sederhana (68.1%). Dapatan ini bertepatan dengan kajian Ismail & Adnan (2012) mendapati tahap penerimaan responden terhadap G1M adalah sederhana.

**Jadual 3: Tahap Penglibatan Belia di Kuching, Sarawak Terhadap Gagasan 1Malaysia**

<b>Tahap (Skor)</b>	<b>n</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Tinggi	20	5.2
Sederhana	59	15.4
Rendah	303	79.3
<b>Jumlah</b>	<b>382</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 3 di atas, hasil kajian tahap penglibatan yang tinggi sebanyak 5.2% (20 orang) responden, manakala bagi tahap penglibatan yang sederhana sebanyak 15.4% (59 orang) responden, dan bagi tahap penglibatan yang rendah sebanyak 79.3% (303 orang) responden.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mendapati bahawa tahap penglibatan responden dalam program yang bertemakan 1Malaysia adalah pada tahap yang amat rendah (79.3%). Dapatan daripada maklum balas responden kajian, sebahagian besar responden tidak terlibat dengan program yang bertemakan 1Malaysia disebabkan tiada maklumat yang diperolehi. Selain itu, terdapat juga maklum balas seperti tidak berminat, tidak berpeluang dan tidak sesuai. Ini menggambarkan program yang dianjurkan tidak memenuhi kehendak dan citarasa golongan belia hari ini.

Perkara ini lebih cenderung pada peringkat perencana pelaksanaan di mana pihak pelaksana tidak memahami dan mendalami istilah sebenar di sebalik keperluan belia. Cabaran ini membuatkan badan pelaksana tidak mencapai tujuan atau objektif sebenar sesuatu program diadakan. Hasilnya, perencanaan program tidak mencapai kualiti output yang diinginkan dan mengakibatkan sumber kewangan yang disampaikan ibarat lembu punya susu, sapi dapat nama.

**Jadual 4: Skor Penglibatan mengikut Kaum**

<b>SKOR PENGLIBATAN</b>			
<b>Kaum</b>	<b>Rendah</b>	<b>Sederhana</b>	<b>Tinggi</b>
Melayu	119 (77.3%)	27 (17.5%)	8 (5.2%)
Bidayuh	27 (93.1%)	2 (6.9%)	0 (0.0%)
Iban	81 (77.2%)	18 (17.1%)	6 (5.7%)
Kenyah	8 (80.0%)	0 (0.0%)	2 (20.0%)
Cina	45 (79.0%)	10 (17.5%)	2 (3.5%)
India	0 (0.0%)	0 (0.0%)	2 (100.0%)
Melanau	16 (88.9%)	2 (11.1%)	0 (%)
Kayan	2 (100.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Kelabit	2 (100.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Kun Bawang	2 (100.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)
Brunei	1 (100.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)
<b>Jumlah</b>	<b>303 (79.3%)</b>	<b>59 (15.5%)</b>	<b>20 (5.2%)</b>

Berdasarkan Jadual 4 menunjukkan skor penglibatan responden berdasarkan kaum terhadap G1M adalah terlalu jauh jurangnya antara sederhana dan tinggi yang mana golongan majoriti merupakan pengaruh besar kepada tahap rendah penglibatan belia di Sarawak terhadap G1M. Walaupun negara Malaysia adalah jauh lebih aman berbanding dengan negara-negara pelbagai kaum lain, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan dari segi etnik, agama, budaya kadang-kala membawa kepada perbezaan pandangan yang boleh mencetuskan persepsi, pemahaman dan penerimaan yang akhirnya mempengaruhi penglibatan terhadap G1M.

## **KESIMPULAN**

Dapatan kajian ini mendapati penerimaan belia terhadap G1M berada pada tahap sederhana. Ini disebabkan terdapat golongan-golongan yang berkepentingan iaitu kumpulan yang terdiri daripada pembangkang, yang dengan sengaja mentafsirkan 1Malaysia itu mengikut agenda mereka yang nyata tersasar dari tafsiran sebenar.



Golongan yang berkepentingan ini juga sengaja dan berusaha mengalihkan dan mengelirukan pandangan dan fahaman masyarakat tentang semangat dan kandungan. Ini menunjukkan ada keterompongan berlaku yang memerlukan kerjasama daripada semua pihak agar dapat menyampaikan mesej tentang G1M dengan jelas dan tepat.

Manakala dapatan kajian terhadap penglibatan belia terhadap G1M dengan jelas berada pada tahap rendah. Ini secara tidak langsung terkesan hasil daripada tahap penerimaan yang kurang jelas terhadap G1M itu sendiri. Oleh itu, majoriti belia daripada setiap kaum perlu bersedia membantu merealisasikan dasar kerajaan agar negara terus maju. Kerajaan perlu lebih proaktif dan rasional dalam memberikan mesej dan penerangan G1M kepada golongan belia selaras dengan perubahan teknologi semasa. Pada masa sama semua pemimpin politik perlu menjelaskan usaha positif kerajaan dan mengambil bahagian dalam usaha memperkukuhkan perpaduan masyarakat bagi melahirkan golongan belia yang progresif dan dinamik melalui agenda murni G1M.

Peranan Kementerian Belia dan Sukan untuk menarik minat golongan belia melibatkan diri dalam pelbagai program yang berteraskan perpaduan dan patriotisme. Golongan belia juga perlu proaktif untuk terlibat dalam kegiatan murni ini. Peranan semua pihak penting dalam merencana dasar dan program untuk meraikan kesatuan dalam kepelbagaian sepertimana yang tersurat dalam G1M.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2009. *Kepelbagaian Kaum, Perpaduan dan Pembinaan Bangsa*. Dlm. Azrina Husin, Azeem, Chua Soon Yean, P. Sivamurugan & Abd. Rahim. *Membina Bangsa Malaysia*, hlm. 196-211. Putrajaya: JPNIN & USM.
- Ahmad Zaharuddin Sani, A. S. 2009. *Rukun Negara Dicipta Perpaduan Digapai*. *Membina Bangsa Malaysia: Integrasi Nasional*.
- Aizat Khairi. 2011. *Sosiohumanika* 4(1). Calon Sarjana Sains Politik USM.
- Utusan Malaysia. 2009. *IMalaysia: Apa Sebenarnya* oleh Anis Yusal Yusoff.
- Asnarulkhadi Abu Samah. 2011. *Permasalahan Belia: Pendekatan Bagi Mendepani Cabaran*. Dlm. Haslinda Abdullah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzulhailmi Dahalan (pnyt.) *Belia Pewaris IMalaysia* (hlm. 1-21). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Glenda Partee. 2002. *Principles and Characteristics of Effective Youth Employment Programs in the U.S.A.: What's Applicable, What's Not*. Youth Employment Summit, September 7-11, 2002, Alexandria, Egypt.

- Haslinda Abdullah & Zaid Ahmad. 2011. Hubungan Keluarga dan Kesedaran Agama dalam Kalangan Belia Berisiko Pelbagai Kaum di Malaysia. Dlm. Haslinda Abdullah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzulhailmi Dahalan (pynt) *Belia Pewaris 1Malaysia*, hlm. 34-49. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Jurij Hj Jalaludin. 1991. *Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu.
- Kamaruddin Mohd. Said. 2010. Slogan 1Malaysia dalam Konteks Evolusi. Demokrasi Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 2: 17-34.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. *Determining Sample Size For Research Activities Educational and Psychological Measurement*.
- Ku Hasnan Ku Halim. 2010. *Meniti Gagasan 1Malaysia, Pemikir*, Vol. 62. Oktober-Disember 2010, Bangi: Utusan Karya.
- Mohamed Mustafa Ishak. 2010. *Gagasan 1Malaysia: Nuansa Baru dalam Mengisi Agenda Pembentukan Bangsa Malaysia*. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2: 35-51.
- Murphy. 1995. *Training for Youth Workers: An assessment guide for community-based organizations to promote youth development*. Academy for Educational Development, Center for Youth Development and Policy Research, Washington, D.C.
- Noor Sulastry, Y.A. 2010. *1Semangat Patriotisme Menjana Gagasan 1Malaysia: Realiti atau Fantasi*. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 2: 76-91.
- PPM (Pejabat Perdana Menteri). 2009. *Booklet 1Malaysia*. Putrajaya, Malaysia: Pejabat Perdana Menteri.
- PPM (Pejabat Perdana Menteri). 2010. *Booklet 1Malaysia*. Putrajaya, Malaysia: Pejabat Perdana Menteri.
- Sarjit S. Gill & Charanjit Kaur. 2010. Peranan dan Cabaran Mahasiswa Melestarikan Gagasan 1Malaysia. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 2: 104-116.



**Profil Penulis:**

*Zulkhairi Zainal*

*Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan*

*Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor  
43400, Malaysia.*

*[zulgape@yahoo.com.sg](mailto:zulgape@yahoo.com.sg)*

*Sarjit S. Gill, PhD*

*Ketua Jabatan/ Profesor Madya*

*Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan*

*Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor  
43400, Malaysia.*

*[sarjit@upm.edu.my](mailto:sarjit@upm.edu.my)*

*+60389467062*

*Ahmad Tarmizi Talib, PhD*

*Ketua Jabatan/ Profesor Madya*

*Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Kenegaraan*

*Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor  
43400, Malaysia.*

*[tarmizi@upm.edu.my](mailto:tarmizi@upm.edu.my)*

*+60389467141*